

02/08/1999

Kaji punca kelemahan pelajar Bumiputera

MATLAMAT pihak tertentu mengada-adakan isu pelajar Bumiputera malas, bodoh dan tidak teguh pendirian adalah semata-mata untuk menimbulkan kemarahan golongan itu kepada kerajaan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah menyentuh soal itu ketika membuat perbandingan antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera. Tetapi, disebabkan menyedari ia boleh membangkitkan rasa tidak senang hati pelajar, isu remeh itu digembar-gemburkan. Jika ada pihak yang membuat andaian begitu, merekalah yang sebenarnya tidak yakin dengan kemampuan pelajar Bumiputera. Deklarasi Bangi yang dikatakan didalangi oleh 150 tenaga akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebenarnya bertanggungjawab membuat tuduhan buruk terhadap pelajar Bumiputera kerana merekalah yang memburuk-buruk pelajar Bumiputera berkenaan.

Kebanyakan pelajar Bumiputera sebenarnya bukan malas atau bodoh. Kelemahan mereka mungkin disebabkan terlalu menyalurkan 'keistimewaan' yang ada pada mereka ke tempat lain. Sebagai pelajar mereka sepatutnya memberi tumpuan penuh kepada pelajaran. Malangnya, mereka tidak berdaya menolak pengaruh luaran. Mereka lebih gemar menghabiskan masa dengan perkara yang bukan membabitkan soal pelajaran. Walaupun masih belajar, mereka mahu bergiat dalam kegiatan sosial lain termasuk mencari pasangan.

Keadaan ini berbeza dengan pelajar bukan Bumiputera yang memberi tumpuan sepenuh tenaga dan fikiran kepada pelajaran. Walaupun mereka juga tidak lepas daripada pengaruh luaran, namun mereka tetap menelaah pelajaran dengan bersemangat sekali. Ketika belajar, mereka belajar bersungguh-sungguh dan tidak memikirkan soal lain.

Begitu juga, tidak ramai pelajar Bumiputera yang benar-benar bercita-cita tinggi. Bagi mereka, belajar adalah untuk lulus peperiksaan. Tidak kira dalam apa peperiksaan sekali pun, matlamat mereka adalah sekadar untuk lulus. Oleh itu, mereka mengehadkan kemampuan mereka. Sebenarnya, kelemahan pelajar Bumiputera ini boleh dibuktikan jika ada perangkaan mengenai pencapaian mereka dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi. Universiti-universiti sepatutnya mempunyai rekod untuk menunjukkan pencapaian pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera. Umpamanya, berapa ramai pelajar Bumiputera yang mendapat ijazah kepujian kelas pertama setiap tahun. Lihat pula apakah bidang pengajian mereka. Dengan cara ini, sudah cukup untuk membuktikan pencapaian pelajar Bumiputera. Diharapkan pihak universiti membuat kajian perkara ini dengan matlamat untuk menyedarkan pelajar Bumiputera bahawa pencapaian mereka masih belum menggalakkan.

Perkara lain yang perlu dikaji ialah faktor pemakanan, jika ia boleh diambil kira sebagai salah satu punca yang menyebabkan kelemahan pelajar Bumiputera. Disebabkan faktor ini mempengaruhi sistem kesihatan dan pemikiran, kemungkinan memberi kesan kepada kemajuan seseorang tidak boleh ditolak begitu saja. Pakar yang terbabit dengan soal ini perlu membuat kajian mengenai kaitan soal pemakanan dengan pencapaian pelajaran. Logiknya, jika makan makanan yang tidak berkhasiat, ia boleh mempengaruhi daya pemikiran mereka. Kemungkinan, pakar pemakanan boleh memberi andaian lebih tepat. Tujuannya ialah untuk mencari punca kelemahan pelajar Bumiputera.

Tidak kurang juga pelajar hari ini lebih berminat dengan kegiatan luar kampus. Mereka terikut-ikut dengan gelagat parti pembangkang. Apa tah lagi jika mereka terpengaruh dengan pentsyarah yang meracuni fikiran mereka.

Sikap pensyarah yang pasif juga adalah punca kelemahan pelajar. Sebagai pensyarah yang biasanya dihormati pelajar dan masyarakat, mereka seharusnya tahu tanggungjawab mereka kepada pelajar, masyarakat dan negara. Sepatutnya teguran Dr Mahathir dijadikan cabaran untuk memperbaiki prestasi pelajar Bumiputera. Kebanyakan tenaga pengajar institusi pengajian tinggi sebenarnya tahu tahap prestasi pelajar Bumiputera. Mereka sebenarnya menerima hakikat bahawa pelajar Bumiputera ketinggalan berbanding rakan mereka yang lain. Hanya mereka yang boleh membantu meningkatkan prestasi pelajar dengan memberi kesedaran baru kepada mereka. Sebaliknya, jika pelajar diheret dalam kancah politik tanah air, ia pasti akan melemahkan lagi pencapaian mereka. Bagi pelajar dan pensyarah yang cenderung kepada pemikiran pembangkang, mereka seharusnya ingat bahawa pilihan raya hanya diadakan lima tahun sekali. Selepas pilihan raya, keadaan akan kembali seperti sedia kali. Tanggungjawab pelajar adalah untuk meneruskan cita-cita bagi meningkatkan ilmu di dada.

(END)